

16 APR 2001

Norian-Majlis

POLIS CADANG TUBUH MAJLIS PENCEGAHAN JENAYAH KEBANGSAAN

SHAH ALAM, 16 April (Bernama) -- Polis sudah menyiapkan satu kertas cadangan berhubung penubuhan Majlis Pencegahan Jenayah Kebangsaan yang akan dikemukakan kepada kerajaan tidak lama lagi, kata Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai hari ini.

Katanya polis mencadangkan supaya ia dianggotai wakil jabatan-jabatan kerajaan, ahli akademik, pertubuhan bukan kerajaan serta badan-badan yang difikir terlibat dalam isu pencegahan jenayah.

Beliau berkata mereka akan bertanggungjawab melaksanakan pelbagai program serta memberikan pandangan dan cadangan berhubung sebarang isu berkaitan pencegahan jenayah.

"Kita memikirkan bahawa dengan dana tertentu yang ditetapkan kerajaan, kempen pencegahan jenayah boleh dirancang dan dijayakan dengan lebih berkesan kerana ia mempunyai peruntukan sendiri," katanya pada persidangan media selepas menghadiri Persidangan Pesuruhjaya Polis, Ketua Polis, Komander dan Komandan Polis di sini.

Persidangan tertutup itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan turut dihadiri timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga Menteri Dalam Negeri.

Norian berkata masyarakat perlu sedar bahawa pencegahan jenayah adalah aspek yang perlu ditangani semua pihak dan bukannya dipertanggungjawabkan kepada polis semata-mata.

Beliau memberi contoh masalah berhubung pembabitan pelajar dalam jenayah yang perlu mendapat perhatian Kementerian Pendidikan dan tidak wajar diserahkan kepada polis sahaja.

"Mereka akan mulai mengambil berat terhadap aspek pencegahan apabila mereka sendiri menjadi mangsa," katanya.

Merujuk kepada pertemuan beliau dengan Dr Mahathir pagi ini, Norian berkata perdana menteri telah memberikan pandangan mengenai harapan beliau terhadap pasukan polis.

Beliau berkata Dr Mahathir turut memberi cadangan bagaimana polis boleh meningkatkan sumbangan mereka kepada negara di samping memberi galakan dan semangat kepada pasukan itu.

-- BERNAMA

AZH MAM AKD